



Anglican Diocese of Sabah

圣公会沙巴教区

Anglikan Diosis Sabah

WISMA ANGLICAN
JALAN LEE TET PHUI
88000 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA

DOS/BSP/4a/01/MT:dd/20-090

2^{hb} April 2020

Kepada Bishop, Archdeacon, Paderi, Pastor dan Anggota Jawatankuasa Tertinggi Diosis,

PER: PERUTUSAN ARCHBISHOP

Salam dalam nama Yesus yang mahaharga dan mahakuasa, Tuhan dan Penyelamat kita.

Sebagaimana anda semua sedia maklum, Perintah Kawalan Perjalanan (PKP) sudah dilanjutkan ke 14^{hb} April dan telah mempengaruhi semua kebaktian biasa gereja kita termasuk Kebaktian sepanjang Minggu Kudus (Khamis Putih, Jumaat Agung dan Paskah).

Selepas perbincangan dengan Dewan Bishop Provinsi (HoB) dan Pemimpin Senior Diosis kita, saya telah mengambil keputusan berikut: -

1. Semua diosis masing-masing memutuskan persiapan Kebaktian Minggu Kudus berdasarkan konteks dan keterbatasan lokal.
2. Untuk Diosis Sabah, sila patuhi arahan berikut: -
 1. Disebabkan oleh batasan geografi khususnya dalam Archdeakoneri Tengah, maka tidak ada kebaktian dan tidak ada Perjamuan Kudus diadakan di semua Gereja sepanjang Minggu Kudus. Tidak ada juga Perjamuan Kudus diadakan di rumah-rumah. Saya maklum ada gereja-gereja yang mengadakan Perjamuan Kudus menggunakan 'Pengudusan Roti Atas Talian'. Kita boleh bincangkan perkara ini apabila kita berhimpun nanti dalam pertemuan Paderi/Pastor apabila segalanya sudah pulih seperti biasa. Tetapi untuk masa sekarang, arahan saya berkaitan Perjamuan Kudus sepanjang Minggu Kudus berlaku.
 2. Kami mendorong setiap keluarga bersembahyang di rumah masing-masing.
 3. Gereja-gereja boleh menyediakan Kebaktian Minggu Kudus atas talian atau siaran langsung untuk anggota mereka.
 4. Siaran Langsung dan Rakaman akan disediakan melalui Facebook dan YouTube untuk Khamis Putih, Jumaat Agung dan Paskah. Gereja-gereja boleh muat turun khutbah yang disediakan dan menggabungkannya ke dalam kebaktian atas talian atau siaran langsung masing-masing.
3. Kami mendorong jemaat terus berdoa untuk campur tangan Allah untuk menghentikan penularan pandemik Covid-19 dan vaksin dapat ditemui untuk viruscorona ini.
4. Kami berdoa untuk PKP ini berakhir dengan cepat, dan supaya seluruh dunia pulih dan meneruskan hidup mereka. Kami juga mendoakan penghiburan dan kekuatan untuk mereka yang telah kehilangan orang tersayang akibat pandemik ini.

Kami mengharapkan satu hari di mana kita semua kembali bersembahyang dan menerima Perjamuan Kudus bersama-sama selaku keluarga besar Allah di semua gereja kita. Semoga kesulitan sementara ini membuat kita merindui lebih lagi akan Perjamuan Syurgawi yang menanti kita apabila Kristus kembali nanti.

1/2



Anglican Diocese of Sabah
圣公会沙巴教区
Anglikan Diosis Sabah

WISMA ANGLICAN
JALAN LEE TET PHUI
88000 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA

Kolekta Paskah

Allah yang Mahakuasa, melalui Anak-Mu yang tunggal iaitu Yesus Kristus, telah mengalahkan maut dan membuka bagi kami pintu hidup kekal: dengan rendah hati kami memohon dengan anugerah-Mu yang istimewa yang mendahului kami, Engkau menaruh keinginan baik dalam fikiran kami, maka dengan pertolongan-Mu yang berterusan kami akan membawanya kepada hasil yang baik; melalui Yesus Kristus Tuhan kami, yang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya.

Hambamu dalam Tuhan Yesus Kristus,

The Most Reverend Datuk Melter Jiki Tais
Archbishop Provinsi Anglikan Asia Tenggara
Bishop Sabah